

TERMA DAN SYARAT**KEMPEN TUKAR & NIKMATI GANJARAN****KEMPEN**

1. **Kempen Tukar & Nikmati Ganjaran (“Kempen”)** dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB**”).

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 Jun – 31 Oktober 2025, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB berhak untuk menukar tempoh, permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar.

KELAYAKAN

4. Untuk layak menyertai Kempen, kriteria berikut mesti dipenuhi:
 - 4.1. Pelanggan CIMB yang disasarkan mesti:
 - a. menerima e-mel kaedah komunikasi CIMB dan/atau dihubungi oleh Penanggung Insurans (Sun Life Malaysia Assurance Berhad); dan
 - b. adalah pemilik polisi permasaran tele produk insurans konvensional (“Produk Sertain”) yang masih berkuat kuasa (seperti yang disenaraikan dalam **Jadual A** di bawah) melalui saluran pemasaran panggilan telefon CIMB.

(selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”)

PRODUK SERTAAN

5. Pelanggan Layak hendaklah merupakan pemilik polisi yang sedia ada bagi produk seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A** di bawah (“**Produk Sertain**”):

Jadual A

Produk Sertain	Penanggung Insurans
Insurans Hayat • Sun Protector • Sun ProtectMax • Sun Flexi; dan • Sun MediDirect	Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] (“ Sun Life Malaysia ”)

MEKANIK KEMPEN

6. Pelanggan Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan yang ditetapkan dalam Fasal 6, 7, 8 dan **Jadual B** di bawah berhak menerima ganjaran yang sepadan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual B** di bawah ("**Ganjaran**") di bawah Kempen ini.

Jadual B

Kriteria Kelayakan	Ganjaran
1. Pelanggan Layak menukar kaedah pembayaran untuk premium bulanan Produk Sertaan mereka kepada CIMB konvensional kad kredit/kad debit/akaun simpanan. 2. Produk Sertaan masih berkuat kuasa semasa Tempoh Kempen atau selewat-lewatnya pada 30 November 2025.	RM100 Kredit e-Dompet Touch N Go

- 6.1. Pelanggan Layak boleh menggunakan mana-mana yang berikut untuk menukar kaedah pembayaran mereka:
- Log masuk melalui aplikasi SunAccess – muat turun daripada Google Play/App Store
Pautan untuk log masuk :<https://sunaccess.sunlifemalaysia.com/portal-ui/CUSTOMER/login#no-back-button> atau;
 - Muat turun, isi dan e-mel borang anda yang lengkap ke policy.admin@sunlifemalaysia.com. Anda boleh menggunakan mana-mana borang (KAD KREDIT/DEBIT atau DEBIT TERUS) diperolehi daripada laman web Sun Life Malaysia: <https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-payment/overview/> atau;
 - Hubungi Talian Pelanggan Sun Life Malaysia di 1300-88-5055 atau e-mel wecare@sunlifemalaysia.com.
- 6.2. Pelanggan Layak mesti mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan permohonan perubahan kaedah pembayarannya, yang berasingan daripada Terma dan Syarat Kempen ini.
7. Untuk layak mendapat Ganjaran yang dinyatakan dalam **Jadual B** di atas, syarat-syarat berikut mesti dipenuhi:
- 7.1. Produk Sertaan hendaklah aktif dan tidak ditarik balik atau dibatalkan semasa Tempoh Kempen dan Tempoh Pemenuhan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam **Jadual C**); dan
 - 7.2. Perubahan kaedah pembayaran untuk premium bulanan Produk Sertaan mesti berjaya.
8. Pelanggan Layak hanya layak mendapat satu (1) Ganjaran bagi setiap Polisi Produk Sertaan. Pelanggan Layak boleh layak untuk lebih daripada satu (1) Ganjaran jika mereka memiliki lebih daripada satu (1) Polisi Produk Sertaan.

PEMENUHAN GANJARAN

9. Pemenuhan Ganjaran kepada Pelanggan Layak akan dihantar oleh CIMB melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") ke nombor mudah alih Pelanggan Layak yang didaftarkan dengan Sun Life Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja dari bulan penukaran kaedah pembayaran yang berjaya oleh Pelanggan Layak seperti yang ditetapkan dalam **Jadual C** di bawah:

Jadual C

Bulan Berjaya Tukar Kaedah Pembayaran (seperti yang dinyatakan dalam Kriteria Kelayakan)	Bulan Pemenuhan Ganjaran
Jun 2025	Ogos 2025
Julai 2025	September 2025
Ogos 2025	Oktober 2025
September 2025	November 2025
Oktober 2025	Disember 2025
November 2025	Januari 2026

11. CIMB berhak untuk membatalkan Ganjaran jika Butiran Hubungan Pelanggan Layak yang disimpan dalam rekod Sun Life Malaysia tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
12. Terma dan syarat berikut akan digunakan untuk Ganjaran:
- CIMB boleh menggantikan Ganjaran dengan item lain yang mempunyai nilai yang sama dan jika CIMB berbuat demikian, CIMB akan memberitahu Pelanggan Layak.
 - Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB menafikan sebarang representasi, jaminan atau sokongan, sama ada tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, berkaitan dengan Ganjaran tersebut.
 - Ganjaran disediakan oleh vendor yang berkaitan di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh vendor dan oleh itu CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau kerosakan khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang berkaitan dengan Ganjaran.
 - Semua risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Ganjaran hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak.
 - Penggunaan dan akses Ganjaran tertakluk kepada terma dan syarat vendor, pengilang atau pembekal. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada vendor, pengilang atau pembekal Ganjaran untuk sebarang aduan yang berkaitan dengan Ganjaran.

- f) Pelanggan Layak mengakui dan menerima bahawa Ganjaran tersebut tidak disahkan oleh CIMB, dan oleh itu penyertaan Ganjaran tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB.
- g) Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara berikut akibat penerimaan Ganjaran:
 - i. sebarang obligasi pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - ii. untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangannya sendiri.
- h) Pemberitahuan mengenai Ganjaran oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon mudah alih Pelanggan Layak yang berdaftar di Malaysia dan disimpan dengan Sun Life Malaysia.
- i) CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang timbul daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memberi pemberitahuan Ganjaran sekiranya nombor mudah alih Pelanggan Layak dalam rekod Sun Life Malaysia tidak terkini atau tidak tepat, atau sekiranya Pelanggan Layak gagal menebus Ganjaran atas apa jua sebab.

TERMA & SYARAT AM

- 13. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang permohonan pertukaran kaedah pembayaran kepada Sun Life Malaysia yang lewat, hilang, tidak lengkap, dihantar secara salah, tertunda, tidak boleh dibaca, rosak atau tersasar sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, pemusnahan atau apa-apa sebab lain kecuali jika perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
- 14. CIMB hanyalah pengedar Produk Sertain yang ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)], penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- 15. Produk Sertain bukanlah produk CIMB dan oleh itu:
 - 15.1. bukan merupakan kewajipan CIMB dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak syarikat serta sekutunya;
 - 15.2. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Sertain yang disediakan oleh Penanggung Insurans; dan

- 15.3. Penanggung Insurans sebagai penanggung insurans berlesen dan penaja jamin Produk Sertain hendaklah melaksanakan kewajipan insurans dengan sepenuhnya.
16. Penanggung Insurans sebagai penaja jamin Produk Sertain hendaklah mengurus sebarang perkara yang berkaitan dengan Produk Sertain.
17. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang Pelanggan Layak mungkin berkongsi dengan CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my ;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajibannya secara keseluruhan atau sebahagiannya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang tindakan Tuhan di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
18. Pelanggan Layak akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen dan/atau Ganjaran akan dibatalkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemenuhan Ganjaran:
- a) Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal Produk Sertain;
 - b) Produk Sertain ditamatkan atau ditutup, atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah buruk yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberik kuasa oleh undang-undang; atau
 - c) Produk Sertain berada dalam keadaan tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak.
19. CIMB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ditentukannya sebagai:
- a) mengganggu proses permohonan; dan/atau
 - b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.

20. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:

- (i) Pengumuman/notis di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

21. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk apa-apa kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas) yang terhasil daripada:

- a) Penyertaan atau ketidakpenyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan WhatsApp dan/atau Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") dan/atau eDM oleh Pelanggan Layak
- melaikan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

22. a) CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

b) Pindaan itu akan dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

c) Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.

d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengetahui sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

24. Pelanggan Layak hendaklah sepenuhnya menanggung rugi dan memastikan CIMB dilindungi daripada sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada tindakan Pelanggan Layak:
- a) penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran; dan/atau
 - c) pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
25. Terma dan Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat semasa bagi permohonan perubahan kaedah pembayaran serta terma dan syarat Produk Sertain yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
26. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan keadah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan yang terpakai kepada CIMB.
27. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.
28. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan ke tapak web lain ("Pautan Pihak Ketiga"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
29. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
Nombor Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com
- b) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.